



**SURAT PEMBERITAHUAN  
PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 7(a)**

**Iklan adalah dibukakan kepada orang ramai dan Pegawai-Pegawai dan Kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam.**

**PEGAWAI PERMAKANAN (B.2 / B.2 EB.3)  
JABATAN HAL EHWAL SYARIAH  
KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

---

**Syarat-Syarat Am:**

- (A) PEMOHON terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (C) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.
- (D) Bagi pemohon yang terdiri dari Pegawai-Pegawai Kerajaan hendaklah mempunyai tahap penilaian prestasi sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh tiga (03) tahun kebelakangan.



**PEGAWAI PERMAKANAN  
JABATAN HAL EHWAL SYARIAH  
KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA  
B.2 EB.3 (\$2,270 - \$4,240 EB KHAS \$4,360 - \$4,840 SEBULAN)  
B.2 (\$2,270 - \$3,760 EB KHAS \$3,880 - \$4,360 SEBULAN)  
KEKOSONGAN = SATU (01)**

**KELAYAKAN MINIMUM:**

1. a) **TANGGA GAJI B.2 EB.3:**

Ijazah Sarjana Muda atau sebanding dalam bidang *Biological Science / Food Nutrition / Food Science and Technology / Nutritional Biochemistry / Halal Science* atau bidang yang bersesuaian.

Mempunyai kelulusan yang lebih tinggi adalah kelebihan.

b) **TANGGA GAJI B.2:**

i) *BDTVEC / BTEC* Diploma Tertinggi Kebangsaan (*HND*) atau sebanding dalam bidang *Biological Science / Food Nutrition / Food Science and Technology / Nutritional Biochemistry / Halal Science* atau bidang yang bersesuaian **dan** telah berkhidmat dalam perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian sekurang-kurangnya dalam tangga gaji C.3 atau sebanding tidak kurang dari 5 tahun.

**ATAU**

ii) Telah berkhidmat di Kementerian Hal Ehwal Ugama dalam jawatan bersesuaian sekurang-kurangnya dalam tangga gaji C.3 atau sebanding tidak kurang dari 7 tahun.

**ATAU**

iii) Telah berkhidmat dalam perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian sekurang-kurangnya dalam tangga gaji C.3 atau sebanding tidak kurang dari 9 tahun.



## **TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:**

### **DI BAHAGIAN KAWALAN MAKANAN HALAL**

1. Menguatkuasakan undang-undang Akta Daging Halal, Penggal 183 dan Aturan-Aturannya dan Perintah Sijil Halal dan Label Halal 2005;
2. Memproses permohonan di bawah Perintah Sijil Halal dan Label Halal 2005 dan seterusnya menjalankan pengauditan;
3. Membuat pemeriksaan di pusat-pusat penyembelihan yang memohon untuk mendapatkan Sijil Penyembelihan, Sijil Halal dan Lesen Membekal;
4. Bertanggungjawab untuk mengambil sampel makanan untuk dianalisa;
5. Menjadi Pegawai pemerhati di pusat penyembelihan luar negara yang telah diiktiraf halal oleh Majlis Ugama Islam Brunei; dan
6. Melaksanakan tugas dan tanggungjawab yang diarahkan oleh Pegawai atasan dari semasa ke semasa.